

CIRI-CIRI KEPEMIMPINAN MELALUI UNGKAPAN MELAYU OLEH TENAS EFFENDY

Zahir Ahmad
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Zuraidah Abdullah
Ridzma June
Pusat Dialog Peradaban
Universiti Malaya

Abstrak

Malay expression (Ungkapan Melayu) has its own genre and is created from the past to the present. This genre is still kept alive, showing that it is a constant genre that still remains intact till now. This genre proved that the Malay society has the wisdom of composing meaningful words in short, concise and precise sentences to express their intentions. We used this genre as our compiled data to assess the leadership characteristic of the Malay based on Malay expression by Tenas Effendy and this characteristic is the main focus of our discussion. We found that the Malay expression provide various perspectives are used to define leadership, position, function, responsibility and characteristic of prominent Malay leaders. Some of which have not been highlighted before.

1. Pendahuluan

Dalam budaya Melayu, pemimpin boleh dilihat daripada pelbagai perspektif; samada daripada perspektif pemimpin rumah tangga, dusun, kampung, bangsa dan negara. Bidang kepemimpinan ini boleh dilihat dari sudut institusi kekeluargaan, adat, agama sehinggalah ke bidang

organisasi. Disebabkan peri pentingnya pengaruh pemimpin dalam kehidupan pengikut-pengikutnya maka pemimpin diberi kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan untuk melaksanakan hak dan kewajiban memimpin. Walau bagaimanapun, pemimpin di peringkat organisasi dan negara adalah bersifat datang dan pergi. Mereka ini bertekad waja, mempunyai daya tahan yang tinggi dan berwawasan jelas yang akan dikenang sebagai pemimpin yang tersohor. Pemimpin tersohor ini pula tidak datang dari sekadar manusia biasa, mereka adalah juara di antara semua, mereka umpama raksasa dalam pemikiran dan mereka penghulu pada sebuah perubahan. Hal ini selaras dengan pernyataan Wan Mohd. Mahyiddin (1996:xii) yang mengatakan bahawa;

“Pemimpin selaku subjek yang menarik adalah orang yang berada dalam keadaan memimpin, membimbing, menasihati, dan memandu satu-satu kumpulan ramai dalam banyak urusan. Ia menjadi pemimpin kerana sifat-sifatnya yang melebihi ahli ramai. Ia diberi kepercayaan atau dipercayai untuk menunjukkan hala pergerakan kumpulannya yang melibatkan berbagai-bagai urusan duniawi atau akhirat.”

Rivai & Ariffin (2009) menyatakan bahawa seorang pemimpin yang berkualiti dapat dinilai daripada aspek produktiviti dan prestasi pencapaiannya serta kepiawaiannya memimpin sesuatu organisasi. Beliau mengkonsepkan kepemimpinan sebagai kemampuan memperoleh konsensus dan keterikatan pada sasaran bersama, melampaui syarat-syarat organisasi, yang dicapai dengan pengalaman dan kepuasan di kelompok kerja (ibid. 2009: 7-8). Beliau juga mengatakan bahawa untuk memperoleh pemimpin yang sesuai, terutamanya pada era kini, seorang pemimpin haruslah bijaksana dalam menghadapi pelbagai permasalahan yang timbul, mempunyai kemampuan memimpin dan keintelektualan yang tinggi, dan mempunyai karisma (ibid. 2009: 8)

Shaharir (2010) memberikan konsepsi kepemimpinan melalui etimologi perkataan kepemimpinan dalam alam Melayu iaitu, ‘pimpin’ memberi makna yang berbeza dengan ‘lead’, yang sekali gus membezakan teori kepimpinan rumpun Melayu dan Inggeris. Perkataan pimpin bukan daripada bahasa Sanskrit atau Arab malah tiada dalam senarai Malayu-Indonesia-Sanskrit. Namun katanya, mengikut Sugiarto drk (1993) dan Tryson (1994), ‘pimpin’ itu adalah daripada perkataan Jawa Sunda (dengan ejaan ‘pingpin’). Sebagaimana yang diketahui ramai kata ‘pimpin’ bermakna memegang tangan seseorang seiring dengan yang

memegang itu untuk dibawa bersama menuju ke destinasi yang dikehendaki oleh yang memegang itu sahaja. Sebaliknya makna kepimpinan pada hari ini adalah lebih luas lagi iaitu satu proses mempengaruhi gelagat dan pemikiran orang lain untuk mencapai objektif secara kolektif antara pemimpin dan pengikut. Kepemimpinan menurut takrifan Bass (1990) serta Tichy dan Devanna (1986) adalah proses mentransformasikan pengikut, mencipta matlamat yang dicapai, menentukan langkah-langkah, serta tindakan dalam mencapai matlamat yang ditentukan.

2. Nilai Kepimpinan Daripada Beberapa Orang Sarjana Pilihan

Dalam membincangkan perihal kepimpinan, pelbagai nilai yang akan diperkatakan. Dalam menentukan nilai-nilai kepimpinan seharusnya perbincangan akan merujuk kepada sikap dan sifat yang baik dan terpuji. Ini adalah kerana nilai-nilai kebaikan dan keperibadian mulia yang diamalkan oleh seseorang pemimpin akan mempengaruhi pengikutnya. Sebagaimana yang diajukan oleh Rivai & Ariffin (2009) menyatakan empat jenis ciri kepimpinan dan keperluannya. Ini diringkaskan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Ciri-ciri Kepimpinan

Jenis	Ciri-ciri	Keperluan
Kuat	Percaya diri Tebal beropini	Kawalan Status Pencapaian tugas Terarah
Persuasi sosial	Menyenangkan Ramah tamah Optimistik	Melibatkan orang lain Suka bicara Disukai orang lain
Kokoh	Terkontrol Sabar Berhati-hati Menyenangkan	Memiliki struktur dan prosedur yang baik Stabilitas Memiliki waktu yang banyak untuk berubah
Teliti	Akurat	Fakta-fakta spesifik

	Logis FoKus kualitas	Perhatian pada detail Waktu untuk menganalisa dan berpikir Orientasi pada tugas
--	-------------------------	--

(Sumber: Rivai & Ariffin, 2009: 215)

Adrianputrachaniago (2011) menyatakan bahawa seorang raja, pemerintah atau pemimpin harus menguasai ilmu pengetahuan, tata pemerintahan, wawasan yang luas, dan moral yang tinggi. Dalam membincangkan aspek moral yang tinggi beliau memetik beberapa kriteria pemimpin yang dikemukakan oleh Raja Ali Haji iaitu kriteria zahir dan batin. Menurut beliau (berdasarkan pernyataan Raja Ali Haji) kriteria pemimpin yang bersifat lahir haruslah seperti berikut:

- i. Pemimpin harus Islam
- ii. Seorang pemimpin hendaknya laki-laki
- iii. Mempunyai perbicaraan yang baik
- iv. Mempunyai pendengaran yang baik
- v. Mempunyai penglihatan yang baik

Kriteria pertama sejajar dengan tuntutan agama Islam dalam menghendaki seorang pemimpin mempunyai nilai-nilai moral Islam, seperti jujur, adil, dan bertoleransi. Kriteria kedua pula merujuk kepada seorang pemimpin yang perlu mempunyai semangat yang kuat, tegas dan berani. Dalam kriteria yang kedua ini juga pemimpin dituntut menjadi seorang yang tegas dan berdisiplin dalam segala tindakan dan memegang teguh segala ketentuan yang berlaku. Hal ini kerana, kepimpinan pemimpin bersikap seperti di atas akan menjadi contoh kepada pengikutnya. Manakala, kriteria ketiga, keempat, dan kelima merujuk kepada keupayaan seseorang pemimpin mendengar dan melihat permasalahan rakyatnya berdasarkan suara hati nurani, perhatian, memerhatikan aspirasi mereka, dan dapat melihat realiti yang berlaku dalam kalangan masyarakatnya. Justeru, seorang pemimpin yang hanya bijak beretorik tidak wajar diangkat sebagai pemimpin.

Seterusnya, seorang pemimpin juga harus memegang nilai-nilai batiniah yang tinggi dan mampu diteladani dengan memakai sifat-sifat yang berikut:

- i. Mukallaf (bertanggungjawab)

- ii. Merdeka (kebijakan yang bebas)
- iii. Adil (tidak berat sebelah)
- iv. Mempunyai kemampuan ijtihad yang baik (cermat dalam membuat keputusan dan pertimbangan)
- v. Mempunyai keberanian yang kukuh (bebas daripada pengaruh atau pemikiran atau kepentingan pihak-pihak tertentu); dan
- vi. Rajin (mengurus kepentingan rakyat sepenuh hati)

Wan Mohd. Mahyiddin (1996) pula menyatakan empat kriteria utama seorang pemimpin, iaitu mempunyai rupa paras dan personaliti yang menarik, mempunyai perwatakan yang menggambarkan keperibadian yang cukup kuat, mempunyai prinsip dan tidak mudah terpesong daripada landasan yang sebenar, dan berjiwa progresif, yakni tidak bimbang dengan bakat yang terdapat dengan orang lain sebaliknya memberi galakan dan tunjuk ajar kepada individu tersebut.

Walau bagaimanapun, yang paling utama seorang pemimpin itu perlu ada kualiti yang bukan sahaja terletak pada rupa paras dan personaliti yang menarik malah corak pemikiran yang hebat, tingkah laku yang kamil, nilai hidup yang mulia dan gaya kepimpinan yang terpuji. Dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional umpamanya, penyampaian hasrat mereka dalam menilai dan memilih seseorang menjadi pemimpin untuk meneraju pemerintahan atau menjadi pucuk atau induk dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara dilakukan melalui pelbagai genre sastera seperti ungkapan, pantun, bidalan, dan peribahasa.

3. Nilai Kepimpinan Dalam Ungkapan Melayu Nukilan Tenas Effendy

Masyarakat Melayu sangat terkenal dengan tradisi lisannya. Antara tradisi lisan tersebut seperti peribahasa, bidalan, simpulan bahasa, perbilangan, pantun, dan ungkapan. Ungkapan dapat didefinisikan sebagai kata, rangkaian kata, atau kelompok kata yang mempunyai makna khusus (Kamus Besar Indonesia, 1993: 1105). Manakala, dalam Kamus Umum Bahasa Indonesia (1976: 1129) memberikan maksud ungkapan sebagai perkataan atau kelompok kata yang khusus untuk menyatakan sesuatu maksud dengan erti kiasan. Manakala, Kamus Dewan (1970: 1324) menyatakan bahasa ungkapan sebagai susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan) dan gabungan (kelompok) kata yang khas untuk menyatakan sesuatu maksud, simpulan bahasa (dalam Zubiersyah 2001: 300). Kamus on-line Dewan Bahasa pula

mendefinisikan ungkapan sebagai susunan kata yang digunakan dalam percakapan (tulisan), frasa atau rangkaian kata yang tertentu susunan katanya (<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=ungkapan>).

Berdasarkan pendefinisian di atas, secara amnya dapat disimpulkan bahawa ungkapan merupakan untaian kata yang digunakan secara lisan atau tulisan yang mempunyai makna tertentu. Dalam membincangkan ungkapan ini, terutamanya ungkapan Melayu dari sudut kepimpinan, kami telah merujuk ungkapan-ungkapan Melayu koleksi Tenas Effendy. Beliau banyak menerapkan aspek-aspek kepimpinan yang merujuk kepada ciri-ciri pemimpin dan kepemimpinan Melayu.

Menurut Tenas Effendy (2011), ungkapan Melayu telah menunjukkan kehidupan manusia, baik di dalam situasi bersaiz kecil (rumah tangga) sehinggalah ke peringkat masyarakat yang bersaiz meluas, haruslah dilantik seorang yang “tua” atau pemimpin. Ini adalah kerana tanpa pemimpin kerukunan dan kedamaian di dalam persekitaran atau masyarakat tidak akan terjamin. Menurut beliau, seorang pemimpin haruslah dihormati, ditaati, dan dipatuhi oleh pengikutnya sepanjang pemimpin ini melaksanakan kewajibannya dengan baik dan berkesan. Ini dapat ditunjukkan melalui ungkapan tunjuk ajar tentang kepimpinan berikut:

Adat rumah ada tuanya,
Adat kampung ada penghulunya
Adat kenegeri ada rajanya.

Tua rumah membawa hikmah,
Tua peghulu menghapus malu,
Tua raja tegak daulatnya.
(Tenas Effendy, 2011: 3)

Selain itu, dalam usaha melahirkan pemimpin Melayu yang memiliki kualiti atau keupayaan yang tinggi pada ketika itu masyarakat Melayu tradisi telah menggunakan pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana mengingat, menegur, mengajar, membimbing dan malah menyindir pemimpin-pemimpin Melayu agar lebih peka terhadap kepentingan memaksimumkan penggunaan diri mereka dalam mencapai sesuatu yang terbaik dalam segala aspek kehidupan berlandaskan ajaran Islam. Sememangnya pemimpin Melayu sentiasa diberi ingatan dan harus memfokuskan kepada tiga dimensi utama yang saling berkaitan di antara satu sama lain iaitu akal atau minda, pengisian nilai-nilai kerohanian dan

seterusnya jasmaniah yang membawa kepada pembentukan akhlak pemimpin yang disegani dan dihormati. Ini dapat dibuktikan melalui ungkapan Melayu yang mewajibkan seseorang pemimpin itu memiliki 'pakaian', iaitu 'pakaian batin' yang lazimnya disebut sifat atau keperibadian terpuji yang sentiasa melekat dalam dirinya, sempurna dari segi ilmunya, rohaninya dan jasmaninya. 'Pakaian' ini secara cermat dan indah digambarkan dalam ungkapan adat yang berbunyi;

Memakai syarak lahir dan batin

Imannya tebal adat pun kental

Takwanya Nampak ilmu pun banyak

Berdada lapang berfikiran panjang

Bermuka jernih berlidah fasih

Berpendirian kukuh berakal senonoh

Berpijak tidak berkisar

Bercakap tidak beralih

Berani menahan uji

Setia tahan dicuba

Taatnya tahan dilipat

Tegaknya pada yang hak

Duduknya pada yang elok

Berbekal pada yang halal

Berpetua pada yang berfaedah

Berwasiat pada yang bermanfaat

Keempat-empat dimensi ini juga dapat melahirkan manusia yang mempunyai kekuatan dan kehebatan dari segi kemajuan ilmu, keindahan dan kehalusan seni, ketertiban dan kerukunan hukum dan undang-undang yang merujuk kepada pembangunan modal insan yang dianggap aset utama pembentukan tamadun bangsa. Melalui kajian ini, kami sekali lagi mendapati di dalam pantun dan ungkapan Melayu kerap kali terpancar kepentingan empat dimensi ini apabila membicarakan tentang i) maksud pemimpin, ii) kedudukan pemimpin, iii) fungsi dan tanggung jawab pemimpin, iv) sifat atau keperibadian pemimpin dan sifat yang dilarang

(dipantangkan) dikaitkan dengan nilai-nilai agama, adat istiadat dan norma sosial masyarakat Melayu berlandaskan ilmu, rohani dan jasmani. Ungkapan Melayu adalah di antara wadah dan wahana yang digunakan untuk menyampaikan dan menjelaskan keseluruhan tentang keperibadian kepimpinan Melayu yang membawa kepada melahirkan modal insan yang sempurna bukan sahaja kepada diri pemimpin malah juga kepada pengikut-pengikut yang dipimpinya.

Berdasarkan kepada sejumlah pantun dan ungkapan Melayu tentang pemimpin yang kami kumpulkan, terdapat beberapa perkara yang dapat dikemukakan dan seterusnya dapat menjelaskan segala maksud pemimpin Melayu. Lazimnya pemimpin disebut orang yang dituakan oleh bangsanya. Pemimpin seharusnya dekat dengan pengikutnya sebagaimana tercermin dalam ungkapan:

Yang didahulukan selangkah,
Yang ditinggikan seranting,
Yang dilebihkan serambut,
Yang dimuliakan sekuku.

Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa hubungan pemimpin dengan pengikutnya hanya sekadar 'didahulukan selangkah dan ditinggikan seranting', sehingga mudah dijangkau dan dihubungi. Bahkan dalam ungkapan adat yang lain ditegaskan lagi 'jauhnya tidak berjarak, dekatnya tidak berantara'. Oleh itu, hubungan yang akrab antara pemimpin dan pengikutnya akan terjalin dengan baik yang membawa kepada keserasian sebagaimana disebutkan dalam ungkapan 'bagaikan aur dengan tebing, bagaikan kuku dengan isi, bagaikan putih dengan mata hitam'. Ungkapan Melayu ini telah mengingatkan kepada pemimpin Melayu agar mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang berhati rakyat dan sentiasa mengambil tahu tentang kehidupan orang yang dipimpinya.

Selain itu, terdapat juga di dalam ungkapan Melayu yang dikaji telah menunjukkan harapan pengikut terhadap pemimpin agar mampu membimbing, melindungi, menjaga, mengawal pengikut-pengikutnya atau orang yang dipimpin. Dalam ungkapan tersebut menyatakan bahawa seseorang pemimpin itu bertanggungjawab kepada orang yang dipimpin. Seorang pemimpin adalah seorang yang diberi kepercayaan dan kekuasaan penuh oleh pengikutnya seperti dengan ungkapan ini:

Yang dikemukakan oleh rakyatnya
Yang dmuliakan oleh kaumnya

Yang didudukkan pada patutnya
Yang ditegakkan pada layaknya
Yang dikukuhkan dengan adatnya
Yang ditinggikan dari orang banyak
Yang didahulukan dari orang ramai
Yang diutamakan dari orang biasa
Sesuai menurut adat lembaga

Oleh itu, seseorang pemimpin itu seharusnya mampu melaksanakan tugas-tugasnya sebagai ketua dan pemerintah yang dapat menentukan kesejahteraan rakyat, bangsa dan negara. Ungkapan ini juga membuktikan bahawa jatuh bangunnya seseorang pemimpin itu ditentukan oleh rakyat. Rakyat berkuasa menentukan kepemimpinan 'Yang dikemukakan oleh rakyat, Yang dimuliakan oleh kaumnya, Yang didudukkan pada yang patut' setiap baris yang diucapkan oleh masyarakat Melayu tradisional ini menunjukkan mereka memastikan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan layak sahaja yang dijadikan ketua atau penghulu atau pembesar negara.

Selain itu, pemimpin Melayu juga telah diikat dengan perjanjian (*waadat*) dan persetujuan dalam kitab Sejarah Melayu. Ini dapat ditunjukkan melalui pantun dua kerat dan ungkapan adat yang berbunyi:

Raja adil raja disembah
Raja zalim raja disanggah
Atau

Adat terhadap yang dituakan,
Pertama pantang berbalik belakang
Kedua pantang bercakap temberang
Ketiga pantang dikebelakangan,
Keempat pantang direndahkan
Kelima pantang disia-siakan
Keenam pantang dipermainkan
Ketujuh pantang dipermalukan
Kelapan pantang dilangkahkan
(Tenas Effendy, 2011: 6)

Justeru, seorang pemimpin (raja atau pembesar atau ketua) itu dipercayai memiliki kedaulatan kerana persetiaan tersebut. Persetiaan ini telah menjadi pagar yang menjaga, melindungi, mengawal, mempertahankan maruah, harga diri dan martabat pengikutnya. Manakala pengikut dalam adat Melayu telah mewajibkan mereka setia, mendukung dan membantu sekuat dayanya untuk pemimpin. Penderhakaan terhadap pemimpin sejati menjadi kepantangan besar sehingga dianggap menconteng arang ke muka keluarga dan masyarakat. Ini dapat dibuktikan melalui ungkapan adat dikatakan ‘Siapa durhaka kepada pemimpinnya, aibnya tidak terkira-kira’ atau juga dikatakan ‘Siapa menderhaka yang dirajakannya, di sanalah tempat dia binasa’.

Selain itu, seorang pemimpin diibaratkan oleh pemikir Melayu seumpama pohon yang memberi perlindungan kepada pengikutnya. Mana kala rakyat itu seumpama akar yang menyuburi pohonnya. Pemerhatian dan penelitian masyarakat Melayu terhadap pertumbuhan dan perkembangan sebatang pohon yang hidup subur tiada akan berdiri jikalau tiada keteguhan akarnya. Kiasan dan metafora ini cukup jelas memperkatakan tentang konsep kepemimpinan Melayu. Konsep kepemimpinan ini jarang sekali terdapat dalam pemikiran budaya bukan Melayu-Islam (Hassan; 1985). Maka dengan itu, sesebuah institusi atau Negara memerlukan pemimpin yang terdidik melalui konsep raja (di sini bermaksud kerajaan) yang seumpama pohon, rakyat itu umpama akar. Pohon tiada akan berdiri jikalau tiada akarnya. Malah, konsep pemimpin umpama pohon digarap melalui ungkapan Melayu yang berbunyi;

Bagaikan kayu di tengah padang,
Tempat beramu besar dan kecil,
Rimbun daun tempat berteduh,
Kuat dahannya tempat bergantung,
Besar batang tempat bersandar,
Kukuh uratnya tempat bersila.
(Tenas Effendy, 2011: 23)

Ungkapan Melayu ini jelas menunjukkan pemimpin Melayu yang melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ketua masyarakat mahupun negara itu hendaklah terdiri daripada mereka yang berilmu, amanah, jujur, bersih dan bermoral tinggi. Apabila pemimpin itu berilmu maka sudah pasti mereka ini bijak menterjemahkan dalam membuat keputusan dan mempamerkan tingkah laku yang adil dan saksama. Oleh itu, pemimpin adalah pelindung dan pemimpin juga adalah tempat rujukan

serta tempat menyelesaikan masalah. Pemimpin diberikan kuasa dan kepercayaan oleh pengikutnya kerana kebijaksanaannya dan ketinggian ilmunya. Ini ditunjukkan dalam ungkapan Melayu yang merujuk pemimpin;

Tempat kusut diselesaikan,
Tempat keruh dijernihkan,
Tempat sengketa disudahkan.
(Tenas Effendy, 2011: 24)

Bagi memastikan pemimpin melaksanakan keadilan, kebenaran dan kesaksamaan dalam menyelesaikan masalah, seseorang pemimpin itu harus memiliki ilmu. Melalui ilmu terpancar kebijaksanaannya meramal dan meneka kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku (kekelakan). Bagi memastikan pemimpin itu bijaksana dan adil seharusnya pemimpin itu dipilih atas kehendak pengikutnya.

Selain itu, matlamat akhir seorang pemimpin di dalam masyarakat Melayu adalah memastikan kesejahteraan dan keamanan masyarakatnya tercapai. Sekiranya kezaliman yang ditegakkan masyarakatnya akan dalam porak peranda dan kacau bilau akan berlaku. Bagi menangani permasalahan ini pemimpin perlu mempunyai keupayaan yang menuntut kepintaran emosi yang tinggi. Hasil analisis kami mendapati pemikir Melayu tradisional juga telah lama mementingkan kepintaran emosi yang harus diterapkan dalam kalangan pemimpin Melayu agar tidak membuat keputusan mengikut perasaan. Dengan kata lain, pemimpin berkebolehan menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka seharian. Menurut Mayer dan Salovey (1993), sekiranya tingkah laku serta keputusan yang dibuat melibatkan elemen akal dan perasaan maka hasilnya boleh dijangka dan lebih baik serta berkesan. Hal ini dapat ditunjukkan dalam ungkapan Melayu yang berbunyi;

Hatinya terang fikiran cerdas
Ilmunya banyak pengetahuannya luas
Tahu menyemak hujan dan panas
Tahu memilih antah dan beras
Tahu berlembut pandai berkeras
Negeri makmur rakyatpun puas

Ungkapan Melayu ini telah menunjukkan bahawa pemimpin Melayu dahulu sudah lama mengamalkan dan menggalakkan pemimpin-pemimpinnya mempunyai kesedaran diri dalam melakukan tindakan. Pemimpin Melayu seharusnya tahu mengawal emosi terutama dalam membuat keputusan yang tepat dan bijak dengan mengambil kira perasaan pengikut-pengikutnya. Ini selari dengan dapatan kajian Shahrir (2010) yang telah menyenaraikan nilai-nilai unggul seorang pemimpin rumpun Melayu (lapan belas nilai). Salah satunya ialah pemimpin itu mempunyai jiwa yang tenang, sabar, bijaksana dan tidak lekas menggelabah. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa pemimpin unggul ini juga mendapat kepercayaan daripada rakyat dan menjaga kepercayaan itu sebagai satu tanggungjawab dan kehormatan serta yang lebih utama adalah dikasihi dan mengasihi rakyatnya.

Hasil kajian ini telah membuktikan kepentingan pemimpin dalam kehidupan manusia, berbangsa dan bernegara malah bermasyarakat dan berumahtangga. Kepentingan pemimpin ini juga jelas ditunjukkan melalui usaha orang Melayu mengangkat martabat pemimpinnya, yang lazim disebut orang yang dituakan oleh masyarakat atau kaumnya. Pemimpin diharapkan dapat membimbing, menjaga dan menuntun masyarakat Melayu dalam erti yang lebih luas dapat membangunkan bangsa Melayu melalui ciri-ciri pemimpin Melayu pada perspektif Pak Tenas dalam ungkapan adat Melayu berikut;

Yang dikatakan pemimpin:	Tempat kusut diselesaikan
Berkata lidahnya masin	Tempat keruh dijernihkan
Bercakap pintanya Kabul	Tempat senngketa disudahkan
Melenggang tangannya berisi	Tempat hukum dijalankan
Menyuruh sekali pergi	
Menghimbau sekali dating	Tempat adat ditegakkan
Melarang sekali sudah	Tempat syarak didirikan
	Tempat lembaga dituangkan
Bagaikan kayu di tengah padang	Tempat undang diundangkan
Tempat beramu besar dan kecil	Tempat member kata putus
Rimbun daun tempat berteduh	
Kuat dahannya tempat bergantung	
Besar batang tempat bersandar	
Kokoh uratnya tempat bersilang	

Yang genting diputuskan
Yang membiang
ditembukkannya
Yang bulat sepenggoleknya
Yang tipis selayangnya

Yang menimbang sama berat
Yang menyukat sama pepes
Yang mengukur sama panjang
Yang menakar sama penuh
Yang menyimpan sama kuat
Yang mengikat sama-sama
kokoh

Yang berbongkol ditarahnya
Yang kesat diampelasnya
Yang menjungkat diratakannya
Yang miang dikikisnya
Yang melintang diluruskannya
Yang menyalah dibetulkannya
Yang tidur dijagakannya
Yang lupa diingatkannya
Yang sesat diunutnya
Yang hilang disawangnya

Yang menjemput sekali tiba
Yang mengantar sekali sampai
Yang menggantung tinggi-tinggi
Yang membuang jauh-jauh
Yang menahan dalam-dalam

(Tenas Effendy, 1994: 250-252)

Berdasarkan ungkapan adat di atas, nilai tanggungjawab, adil dan saksama, berkeperibadian dan mulia amat dituntut dalam pemillihan seorang pemimpin yang berkepimpinan. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa seorang pemimpin yang hanya menjadi ketua tidak mampu dikatakan sebagai pemimpin yang berkepemimpinan. Hal ini kerana nilai-nilai kepemimpinan bukan terletak semata-mata kepada lidah yang digerakkan untuk mengarah dan kata-kata yang diluahkan untuk mencari kesalahan. Sebaliknya melalui pemikiran, etika, dan estetika pemimpin tersebut melaksanakan tanggungjawabnya mempengaruhi pengikutnya dengan memberi contoh teladan yang baik.

Dalam menanggapi pembangunan ciri-ciri kepemimpinan Melayu yang dipaparkan dalam korpus-korpus Melayu seperti ungkapan-ungkapan adat Melayu aspek pemikiran, etika, dan estetika menjadi telahan yang utama. Dengan adanya pemikiran, yakni akal dan minda seorang pemimpin boleh menyampaikan idea atau buah fikirannya secara waras dan logik sehingga menjadi teladan pengikutnya. Sila rujuk ungkapan berikut;

Yang dikatakan pemimpin;

...

Yang ilmunya boleh berguru

Yang kajinya boleh mengaji

Yang cakupnya boleh dikakap

Yang mulutnya boleh diikut

Yang perangnya boleh dipakai

Yang temoohnya boleh dicontoh

Yang hatinya boleh diuji

Yang lakunya boleh ditiru

...

(Tenas Effendy, 1994: 253)

Berdasarkan ungkapan adat di atas, didapati bahawa sorang pemimpin perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi daripada pengikutnya. Hal ini kerana keilmuan yang tinggi akan diaplikasi sebagai petunjuk dan panduan pemimpin bagi menuntung atau membimbing masyarakatnya mendekati nilai-nilai kemanusiaan yang baik sekali gus menjauhi keburukan. Ungkapan “yang ilmunya boleh berguru, yang kajinya boleh mengaji” menunjukkan bahawa manusia Melayu sememangnya mengaharapkan pemimpin yang berwibawa dan berilmu tinggi agar sentiasa dihormati dan dipandang tinggi oleh pengikutnya. Dengan itu, pemimpin sesuatu golongan itu pasti tidak akan dipandang

rendah oleh mana-mana pihak. Sekali gus mampu menjaga maruah bangsa mereka.

Selain itu, ungkapan adat yang menyebut “yang cakupnya boleh dikakap, yang mulutnya boleh diikut, yang perangnya boleh dipakai, yang tempohnya boleh dicontoh” pula menjadi rujukan kepada etika seorang pemimpin. Daya kepemimpinan seorang tokoh atau ketua disandarkan kepada etikanya yang diperlihatkan kepada keseluruhan masyarakat. Etika yang dimaksudkan adalah etika yang baik-baik belaka, walaupun tidak sempurna namun kelebihan itu pastinya mempengaruhi pengikutnya. Etika yang baik-baik ini pula lahir hasil pemikiran yang baik dan keilmuan yang tinggi. Dengan itu kesatuan akal dan etika telah menghasilkan watak pemimpin yang akan disanjung ramai.

Namun begitu, keilmuan yang tinggi dan etika yang unggul tidak mungkin sempurna tanpa keindahan atau estetika yang “menyiram” kesuburannya. Sungguhpun, buah fikiran yang diajukan bernas pada pemikiran si pelaku atau penutur, atau pemimpin yang dilantik, malah etika yang ditonjolkan adalah unggul tetapi kadangkali nilai estetika akan mengambil tempatnya apabila penyampaian dan percambahan idea diluahkan. Dengan ini keindahan yang diujarkan akan diambil kira. Justeru, retorik penyampaian dan laras pula menjadi sebahagian estetika yang merupakan kesenian berbahasa (dalam konteks kebahasaan kebudayaan Melayu). Dengan adanya kesenian berbahasa ini akan melengkapkan lagi kriteria pemilihan seorang pemimpin yang unggul, sebagaimana yang dilahirkan dalam ungkapan adat berikut:

Yang dikatakan pemimpin,
Elok lahir sempurna batin,
Eloknya boleh ditengok
Sempurnanya boleh dirasa
Elok tingkah dengan lakunya
Elok budi dengan bahasanya
Elok tegur dengan spanya
Elok tutur dengan katanya
Elok langkah dengan lenggangnya
(Tenas Effendy, 1994: 253-254)

Antara lain, ungkapan adat menyatakan seorang yang boleh digelar pemimpin perlu mempunyai kebijaksanaan dalam berkata-kata, antaranya dalam ungkapan berikut;

Yang dikatakan pemimpin:

...

Yang berumah dalam musyawarah
Yang bertempat dengan muafakat
Yang berdiri dengan budi
Yang tegak dalam syarak
Yang duduk dalam khusyuk
Yang memandang dengan undang
Yang melihat dengan adat
Yang mendengar dengan tunjuk ajar
Yang berkata dengan sunnah
Yang berlaku dengan ilmu
Yang berjalan dengan iman
Yang melangkah dengan petuah
(Tenas Effendy, 1994: 252-253)

Yang dikatakan pemimpin:

Berkata lurus bercakap benar
Lurusnya tahan dibidik
Benarnya menahan asak

Lurus hati lurus akal nya
Lurus niat lurus buat nya
Lurus lidah lurus tingkah nya
Lurus lahir lurus batin nya

Benar dimulut benar dihati
Benar menurut syarak dan sunnah
Benar berdiri dijalan Allah

...

(Tenas Effendy, 1994: 254)

Yang dikatakan pemimpin,
dada lapang fikiran panjang
dalam sempit ia berlapang
sebelum berkata berkira-kira

sebelum tegak mengagak-agak
sebelum duduk menengok-negok
sebelum melangkah berpelangkah
(Tenas Effendy, 1994:255)

Berdasarkan ungkapan-ungkapan adat di atas, capahan ungkapan (i) berkata lurus bercakap benar, (ii) benar dimulut benar dihati, (iii) sebelum berkata berkira-kira, sebelum tegak mengagak-agak, menunjukkan bahawa seorang pemimpin merupakan seorang yang adil dan saksama. Selain itu, seorang pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang unggul juga bukanlah manusia yang suka memutarbelitkan sesuatu hal atau perkara atau isu yang timbul. Sebaliknya berusaha untuk menyelesaikan seadil-adilnya dan saksama dalam memberikan keputusan.

Ungkapan yang “benar dimulut benar dihati” dan “berkata lurus bercakap benar” nyata sekali menunjukkan bahawa manusia Melayu tidak mendambakan malah menolak pemimpin yang “lidah bercabang” dalam kepimpinannya. Manakala, ungkapan adat “Yang melihat dengan adat, Yang mendengar dengan tunjuk ajar, Yang berkata dengan sunnah” dan “sebelum berkata berkira-kira, sebelum tegak mengagak-agak, sebelum duduk menengok-negok, sebelum melangkah berpelangkah” menunjukkan bahawa manusia Melayu mendahagakan pemimpin yang bertimbang rasa, adil, ikhlas, mulia, dan baik budi bahasanya. Hal ini sekali lagi menunjukkan bahawa orang Melayu sememangnya tidak merelakan ketidakadilan dan ketidaksenonohan dalam kepimpinan yang mereka harapkan.

4. Kesimpulan

Ungkapan Melayu nukilan Tenas Effendy merupakan satu hasil nukilan ikhlas yang secara langsung menggambarkan kebudayaan Melayu yang sarat dengan nilai kemanusiaan dan falsafah bangsannya. Ungkapan Melayu yang dikaji ini kaya dengan himpunan nilai rasa orang Melayu yang diucapkan secara tersirat tetapi ringkas dan padat dari segi maksudnya. Keringkasan dan kepadatan maksud ungkapan Melayu ini memperlihatkan keperibadian orang Melayu yang halus tutur katanya, beradab, tertib, dan beradat. Ungkapan Melayu yang menjadi panduan dan ingatan kepada pemimpin Melayu telah memperlihatkan empat kriteria utama seorang pemimpin mempunyai i) rupa paras dan personaliti yang menarik, ii) perwatakan yang menggambarkan keperibadian yang cukup kuat, iii) berprinsip dan tidak mudah terpesong daripada landasan

yang sebenar, dan iv) berjiwa progresif yang membangunkan kepimpinan dalam kalangan pengikut-pengikutnya sepertimana yang dibicarakan oleh Wan Mohd. Mahyiddin (1996), Rivai & Ariffin, (2009), Shaharir (2010), Adrianputrachaniago, (2011), Bass (1990) serta Tichy dan Devanna (1986). Oleh itu, dalam kajian ini mendapati pemimpin Melayu begitu rapat dengan adat yang menjaga adab orang Melayu sehingga memancarkan keperibadian orang Melayu yang sentiasa menjaga harga diri dan seterusnya memiliki kekuatan diri yang membentuk jati diri Melayu. Pembentukan jati diri ini adalah atas kesatuan pemikiran, etika, dan estetika yang terdapat dalam kepimpinan seseorang pemimpin Melayu sehingga mendorong pemimpin tersebut mempunyai kepemimpinan yang berkesan. Keelokan budi bicaranya adalah hasil daripada keestetikaannya dalam berbahasa. Justeru, keestetikaan yang ada pada pemimpin Melayu ini lahir daripada pemikirannya yang waras dan logik, yang sekaligus memaparkan etika kepimpinan pemimpin Melayu yang unggul.

Rujukan

- Adrianputrachaniago. 2011 Karakteristik kepemimpinan ideal menurut raja ali haji dan relevansinya dengan prinsip-prinsip tata kelola pemerintahan di Indonesia. November 8, 2011. <http://andrianputrachaniago.wordpress.com/2011/11/08/karakteristik-kepemimpinan-ideal-menurut-raja-ali-haji-dan-relevansinya-dengan-prinsip-prinsip-tata-kelola-pemerintahan-di-indonesia/>(3 Julai 2012).
- Bass B. M. 1990. From transactional to transformational leadership: Learning to share the vision. *Organizational Dynamics*, (Winter): 19-31.
- Hasan A. 1985. *Al-Suluk al-Ijtima'iy al-Islam*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-Ilmiyah.
- Mayer J. D., & Salovey P. 1993. The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence* 17(4): 433-442.

- Mohd Roslan & Ahmad Zaki B. 2010. *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Nordin S. 1983. *Anatomi Kepimpinan Melayu*. Petaling Jaya, Malaysia : Insular Publishing House.
- Rivai V.H. & Ariffin, A.H. 2009. *Islamic Leadership: Membangun Superleadership Melalui Kecerdasan Spiritual*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Shaharir b. M Z. 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan Dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Universiti Malaya Terengganu (UMT).
- Sugiarto drk. 1993. *Kamus Indonesia-Daerah*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Tenas Effendy. 1994. *Butir-Butir Tunjuk Ajar Sopan Santun Budaya Melayu*. Riau: Pemerintah Kota Pekanbaru Dan Lembaga Adat Melayu Riau. Riau.
- Tenas Effendy. 1997. *Bujang Tan Domang: Sastra Lisan Orang Petalangan*. Yogyakarta: Yayasan Benteng Budaya
- Tenas Effendy, 2000. *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Tenas Effendy, 2005. *Tunjuk Ajar Berkaitan Dengan Kepimpinan*. Lembaga Adat Melayu Riau. Riau: Telindo Publishing.
- Tenas Effendy, 2011. *Tunjuk Ajar Melayu tentang Kepimpinan*. Lembaga Adat Melayu Riau. Kuala Lumpur: Pergerakan Puteri Islam Malaysia.
- Tichy & Devanna. 1986. *The Transformational Leader*. New York: John Willey.
- Tryson, D.T. (Pyt.). 1994. *Comparative Austronesian Dictionary*. New York: Mouton de Gruyter

Wan Mohd. Mahyiddin. 1997. *Kepemimpinan: Sorotan pelbagai aspek bagi Meningkatkan Kualiti dan Pencapaian*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Zubiersyah M.H. 2001. *Dinamika Ungkapan Dalam Kosmologi Melayu*. Dlm Kosmologi Melayu (pnyut.). Yaacob Harun. Universiti Malaya, KL: Akademi Pengajian Melayu, 299-305.